

UMNO tidak hasut rakyat Kelantan bantah pindaan

UM 2 2 OCT 2001

KUALA LUMPUR 21 Okt. — Pengerusi Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK), Datuk Ibrahim Ali menafikan UMNO Kelantan terlibat dalam menghasut rakyat supaya membantah pindaan undang-undang tubuh kerajaan negeri yang diluluskan September lepas.

Beliau berkata, nerhimpunan rakyat menghadap sultan yang dianjurkan olehnya melalui MTRK tidak membabitkan UMNO sebaliknya diadakan atas inisiatif rakyat untuk mendapat penjelasan berhubung isu itu.

“Betul saya pemimpin UMNO tetapi saya terlibat melalui NGO (MTRK),” katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran buku politik tulisannya bertajuk *Babi* di sini hari ini. Buku itu dilancarkan oleh Dr. Kassim Ahmad.

Beliau diminta mengulas mengenai dakwaan kononnya UMNO menghasut rakyat supaya menghadap Sultan Kelantan berhubung isu pindaan perlembagaan negeri.

Mengulas lanjut, Ibrahim berkata, perubahan MTRK tidak ada kena mengena dengan politik sebaliknya ia sebagai salah satu badan bukan kerajaan (NGO) yang berfungsi memberi kesedaran kepada rakyat negeri itu dengan memperjelaskan isu-isu semasa yang dihadapi.

Katanya, sehingga kini sudah sembilan majlis menghadap baginda Sultan Kelantan diadakan dan terbaru, pada 26 September lalu yang dihadiri kira-kira 15,000 orang.

Pada pertemuan itu Ibrahim berkata, sultan memperjelaskan bagaimana baginda menjadi mangsa sasaran fitnah oleh pemimpin Pas Kelantan kerana enggan menandatangani pindaan undang-undang berkenaan.

Mengenai buku *Babi* itu pula, menurut Ibrahim, ia bertujuan ‘menyerang balas’ dakwaan yang terkandung dalam buku terbaru ahli seumur hidup parti Pas, Datuk Shahnun Ahmad bertajuk *Anjing* yang dikatakan mempersendakan Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sebanyak 32,000 naskhah buku itu yang berharga RM8 senaikhah sudah dijual.